

Guna senjata ekonomi damaikan Bosnia

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan penggunaan senjata ekonomi bagi mencari perdamaian di Bosnia-Herzegovina memerlukan tindakan bersama di kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) terutamanya yang mempunyai kekuatan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, jika semua negara OIC mempunyai kesanggupan berbuat demikian, senjata ekonomi itu boleh menjadi saluran berkesan.

"Kalau Malaysia berseendirian, juga berkesan. Dua kali kita menggunakan senjata ekonomi ini. Saya yakin jika semua negara OIC sanggup, termasuk yang miskin, ia boleh berkesan," katanya kepada pemberita di sini sekembalinya dari menghadiri Sidang Puncak OIC di Casablanca, Maghribi dan lawatan ke Zagreb, Croatia.

Beliau diminta mengulas lanjut kenyataannya di Zagreb, Sabtu lalu mengenai kemungkinan negara Islam terpaksa menggunakan senjata

ekonomi bagi mencari perdamaian di Bosnia-Herzegovina termasuk menimbang semula hubungan ekonomi dengan negara yang menyokong pengganas Serb.

Dr Mahathir berkata, kenyataannya itu bukan bermaksud untuk mengajar negara-negara Barat tetapi Malaysia berpengalaman menggunakan senjata ekonomi.

"Saya kata, kalau hendak mengetahui cara senjata ekonomi, kita mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Kalau sanggup, kita boleh mem-

beri pandangan," katanya.

Ditanya bila langkah mengenakan senjata ekonomi itu akan diambil, Dr Mahathir berkata, keputusan itu bergantung kepada negara OIC sendiri.

Menurutnya, keputusan itu adalah hasil resolusi mesyuarat persidangan berkenaan, iaitu untuk mengkaji semula perhubungan ekonomi dengan negara-negara yang membantu Serb.

"Itu baru mengkaji semula, belum lagi membuat keputusan. Tetapi

jika mereka hendak mengambil sebarang langkah, kita boleh menolong," katanya.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan hasil lawatannya ke Maghribi dan Croatia.

Menurutnya, beliau berpeluang melawat pusat reka bentuk kereta, motosikal dan model kereta Proton yang dikeluarkan tahun lalu, yang diusahakan bersama oleh Citroen Malaysia Sdn Bhd.

Perdana Menteri berkata, dalam mesyuarat OIC di Maghribi pula, be-

liau banyak mengadakan perbincangan dua hala dan mempelawa pemimpin negara asing yang ingin mengadakan hubungan dengan Malaysia.

Menurutnya, ketika di Croatia, beliau menemui Perdana Menteri, Nikica Valentic dan Perdana Menteri Bosnia, Dr Harris Silajdzic.

"Saya dapat berbincang masalah terkini (di negara Balkan itu) termasuk cadangan mereka untuk berjumpa dengan bekas Presiden Amerika Syarikat, Jimmy Carter," katanya.